

BM 2 7 199

Mahathir terajui kementerian

SUBANG Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengendalikan urusan dan pentadbiran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang dikosongkan oleh Ghafar Baba, bulan lalu.

Perdana Menteri berkata, kekosongan dalam kementerian itu tidak perlu diisikan secara tergesa-gesa.

Mengenai penyusunan semula kabinet, Dr Mahathir berkata: "Kita masih banyak masa."

"Dari segi pentadbiran, kita tidak ada masalah kerana kita juga ada team iaitu Kabinet," katanya.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata, beliau belum berjumpa Ghafar selepas perhimpunan agung Umno. "Lagipun, beliau (Ghafar) ketika ini tidak ada dalam negara," katanya.